



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Peneroka rugi RM496,000 ditipu sindiket Language: Malay  
Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian Section: Nasional  
Date: 21 August 2020 Page: 20



**Suspek mendakwa mangsa mempunyai bungkusan yang kononnya ada kesalahan pengubahan wang haram.**

**Mohd Wazir Mohd Yusof,**  
Ketua JSJK negeri

## Peneroka rugi RM496,000 ditipu sindiket Macau Scam

**Bentong:** Seorang peneroka wanita di sini berputih mata apabila wang simpanannya berjumlah RM496,000 lesap ditipu sindiket Macau Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata kejadian bermula pada 19 Julai lalu apabila mangsa berusia 60 tahun menerima panggilan daripada seseorang individu yang menyamar sebagai pegawai Pos Laju.

"Suspek mendakwa mangsa mempunyai bungkusan yang kononnya ada kesalahan pengubahan wang haram.

"Mangsa bagaimanapun menaikan perkara itu sebelum disambungkan kepada seorang pegawai polis kononnya dari Ibu Pe-

jabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah," katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Beliau berkata, suspek mendakwa dia boleh menolong mangsa sebelum wanita itu menerima mesej WhatsApp memintanya memindahkan wang daripada akaun ASB ke dalam akaun Maybank miliknya.

"Pada 24 Julai lalu mangsa membuat pindahan wang sebanyak RM500,000 dari akaun ASB ke dalam akaun Maybank menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM516,000.

"Pada 25 Julai lalu, kira-kira jam 10 pagi, mangsa menerima panggilan nombor +77088454700 dan meminta pengadu meletakkan kad ATM Maybank miliknya dalam pasu bunga depan kedai

jual makanan haiwan di bandar Karak.

"Suspek juga meminta nombor pin kad dan pengadu pun bagi nombor berkenaan. Isnin lalu, mangsa ingin membuat kad ATM baharu sebelum mendapati wang dalam akaun sebanyak RM496,000 sudah tiada," katanya.

Mohd Wazir berkata, mangsa yang menyedari dirinya ditipu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jerantut di sini, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.